

RESEARCH ARTICLE

MEMBINA KEMAHIRAN PEMIKIRAN SEJARAH (KPS) DALAM PEMBELAJARAN KURSUS KENEGARAAN MALAYSIA: SUDUT PANDANGAN SEORANG PENDIDIK

(Developing Historical Thinking Skills (HTS) in Learning Malaysian Nationhood Studies: An Educator's Perspective)

Mohamed Ali Haniffa*, Nor Azlah Sham Rambely

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia

ABSTRAK - Artikel ini membincangkan mengenai penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dalam membina minat dan pencapaian pelajar dalam kursus Kenegaraan Malaysia di Universiti Utara Malaysia (UUM). Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) merupakan mekanisma yang mampu memenuhi keperluan pendidikan pada masa kini. Mahasiswa dan mahasiswi di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mempunyai persepsi negatif dengan menyatakan mata pelajaran berorientasikan sejarah sebagai membosankan dan jumud. Justeru itu, KPS diperkenalkan untuk merangsang kemahiran berfikir pelajar secara kritis dan analitis. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan minat dan pencapaian intelek para mahasiswa serta mahasiswi dan menjadikan kursus Kenegaraan Malaysia menarik dan menyeronokkan. Pelaksanaan KPS membolehkan penerokaan idea yang kompleks dan abstrak melalui lima proses iaitu kemahiran memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi serta membuat rasionalisasi. Analisis data dibuat berdasarkan pekeliling, buku, jurnal dan kajian lepas. Penelitian awal menunjukkan bahawa golongan pendidik menghadapi kekangan dalam mengaplikasikan KPS ketika pengendalian kuliah kursus Kenegaraan Malaysia. KPS diharapkan dapat memberi manfaat kepada para pendidik sebagai alternatif dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) untuk meningkatkan minat sejajar dengan Norma Baharu. KPS juga merupakan elemen penting dalam menerapkan jati diri dan semangat patriotisme bagi mendepani survival serta peluang Revolusi Perindustrian 4.0.

ABSTRACT - This article discusses the application of Historical Thinking Skills (HTS) in building the interest and achievement of the students in the Malaysian Nationhood Studies course at Universiti Utara Malaysia (UUM). 21st Century Learning (PAK21) is a mechanism that can fulfill the needs of the current education system. Students in Higher Education Institutions (HEI) have a negative perception by saying history-oriented subjects as boring and obsolete. Therefore, HTS is introduced to stimulate students' critical and analytical thinking skills. This can indirectly improve the interest and intellectual achievement of students and make the Malaysian Nationhood Studies course interesting and fun. The implementation of HTS enables the exploration of complex and abstract ideas through five processes, namely the skills of understanding chronology, exploring evidence, making interpretations, creating imaginations, and making rationalisations. The data was analysed based on circulars, books, journals, and past studies. Preliminary research showed that educators face constraints in applying HTS during their lectures on the Malaysian Nationhood Studies course. HTS is expected to benefit educators as an alternative in learning and facilitation to increase interest in line with the New Norms. HTS is also a significant element in applying the identity and spirit of patriotism to face the survival and opportunities of the Industrial Revolution 4.0.

ARTICLE HISTORY

Received : 15th Aug. 2023
 Revised : 20th Sept. 2023
 Accepted : 05th Oct. 2023
 Published : 30th Oct. 2023

KEYWORDS

Historical Thinking Skills (HTS)
21st Century Learning (PAK)
Higher Education Institutions (HEI)
Malaysian Nationhood Studies
Industrial Revolution 4.0

1.0 PENDAHULUAN

Ledakan globalisasi meletakkan Malaysia sebagai negara berkembang pesat menuju ke arah pendidikan bertaraf global. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menggembeng usaha aktif dalam pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) bermula tahun 2014 dengan berpusatkan lima standard asas (Mantihal, 2020). Sebaliknya, wujud kekeliruan menyatakan PAK21 memerlukan susun atur kelas lebih cantik (Ismail, 2020). Hakikatnya PAK21 adalah proses melengkapkan kelas lebih kondusif.

PAK21 merupakan mekanisma berkesan bertujuan memenuhi keperluan pendidikan semasa berpusatkan pelajar. Kaedah pembelajaran dinyatakan melibatkan lima elemen, iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti, aplikasi nilai murni, dan etika (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Oleh itu, PAK21 mampu meningkatkan minat

terhadap mata pelajaran sejarah dan mampu membantu meningkatkan kefahaman murid dalam mempelajari topik yang lebih mencabar serta kompleks.

Hal demikian kerana mata pelajaran berunsurkan sejarah dianggap membosankan kerana PdPc bersifat sehalu tanpa melibatkan proses pemikiran pelajar. KPS berperanan sebagai wahana yang mampu mengupayakan pelajar berfikir secara kritis dan membuat perkaitan antara sesuatu peristiwa. PdPc mata pelajaran ini juga penting kerana melibatkan aspek pertalian antara manusia dengan nilai-nilai sosial dalam masyarakat. Hal yang demikian selaras dengan objektif PdPc yang bermatlamat membina jati diri pelajar-pelajar ke arah menjadi warganegara patriotik.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Dasar Pembangunan Kurikulum melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025 menyatakan beberapa anjakan perlu dilaksanakan untuk meningkatkan kedudukan mata pelajaran sejarah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013). Dalam konteks pelaksanaan yang sebenarnya, tanggapan pelajar terhadap subjek sejarah masih tidak berubah (Deram et al., 2017). Antara lain, pelajar-pelajar masih beranggapan bahawa subjek sejarah merupakan pembelajaran yang sukar dan membosankan (Ford, 2015). Arlene Diaz et al. (2008) dalam kajiannya turut membuktikan bahawa murid mempunyai konsep dan tanggapan yang salah terhadap sejarah dan tidak memandangnya sebagai satu disiplin pengetahuan. Hal yang demikian berlarutan apabila terdapat kelemahan pengajaran guru Sejarah. Ini diterjemahkan dalam bentuk pencapaian yang agak rendah dan sikap murid memandang negatif terhadap mata pelajaran Sejarah (Anuar et al., 2009).

Sikap dan persepsi sedemikian juga berlaku dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi UUM ketika mengikuti kursus Kenegaraan Malaysia. Terdapat beberapa faktor yang boleh dikenal pasti sebagai punca hilang minat pelajar ketika mengikuti kursus tersebut. Antaranya ialah teknik PdPc yang kurang menarik dan kecenderungan hafalan bagi menghadapi peperiksaan akhir. Proses Pdpc yang bersifat sehalu mencetuskan stigma dan suasana pembelajaran pasif. Fasilitator yang terdiri dalam kalangan pensyarah juga lebih mendominasi proses instruksional tanpa memotivasi dan merangsang pelajar-pelajar untuk berfikir dan menggunakan bahan pembelajaran. Justeru itu, penyelarasan yang tidak dilakukan dengan baik menjadikan kaedah penyampaian bercorak konvensional dan tersendiri. Pendekatan tradisional tersebut turut membataskan minat dan pemahaman pelajar. Oleh itu para pelajar menyatakan reaksi negatif dan ambil mudah pada melaksanakan tugas berkaitan sejarah.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti persepsi mahasiswa Universiti Utara Malaysi terhadap pembelajaran kursus Kenegaraan Malaysia sebagai pemahaman awal terhadap KPS. Selain itu, kajian turut mengenal pasti tahap kesediaan fasilitator dan pelajar terhadap penggunaan KPS dalam PdPc kursus Kenegaraan Malaysia (SADN 1033). Di akhir kajian, satu rumusan dan cabaran pengendalian KPS dicadangkan bertujuan meningkatkan minat serta tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran berkenaan.

4.0 SOROTON LITERATUR

Situasi semasa dunia sangat mencabar dunia pendidikan. Oleh itu, warga pendidik perlu menmanfaatkan teknologi terkini dan mudah digunakan bila-bila masa (Bradenburg et al., 1995). Hal yang demikian penting untuk menarik minat pelajar-pelajar terhadap mata pelajaran berteraskan sejarah. Antara teknologi terkini yang perlu diberi perhatian ialah penggunaan telefon bimbit dan peranti lain yang membantu aktiviti PdPc. Peningkatan aspek kosmetik dan permainan dalam talian berbentuk pendidikan sejarah mungkin menjadi salah satu daya tarikan para pelajar. Penggunaan teknologi telefon bimbit dan aplikasi mudah alih memudahkan kaedah penyampaian kandungan kursus. Peralihan kaedah penyampaian bersemuka kepada sistem diskusi dan *chatting* di internet perlu dilakukan. Implementasi kaedah ini pada peringkat awal akan turut melibatkan kos yang tinggi. Sokongan infrastruktur dan dasar yang positif dapat memberi impak besar untuk tempoh masa yang lama.

Kaedah pengajaran yang tidak berkesan dan membosankan merupakan salah satu punca utama mata pelajaran sejarah tidak diminati. PdPc di dalam bilik kuliah seharusnya melibatkan dua pihak iaitu di antara guru yang bertindak sebagai fasilitator dan pelajar. Interaksi melibatkan dua hala akan hilang fokus sekiranya guru hanya menitik beratkan kaedah menghabiskan sukatan pelajaran berbanding aspek penghayatan dan penerapan nilai sejarah. Kesannya ialah pelajar akan hilang minat terhadap apa yang disampaikan (Atan, 1982). Justeru itu, para pelajar akan beranggapan bahawa mata pelajaran sejarah sebagai suatu bentuk beban akademik. Beberapa kajian lepas mengenai pelaksanaan PdPc secara dalam talian diteliti oleh penulis sebelum pelaksanaan KPS. Hal yang demikian kerana PdPc dengan menggunakan kaedah KPS merupakan yang pertama kali akan diimplementasikan semenjak arahan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian telah menjadi satu keputusan yang terbaik untuk menghindarkan kebolehhangkitan penyakit berjangkit. Kajian oleh Mohd Fairuz Jafar, et al. (2020) melihat dari segi hubungan antara rasa takut terhadap pandemik Covid-19 dengan kesediaan pembelajaran dalam talian. Satu kajian melibatkan responden yang terdiri dalam kalangan mahasiswa di peringkat Ijazah Pertama dilaksanakan. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor ketakutan mempengaruhi kesediaan pelajar-pelajar untuk lebih cenderung menggunakan medium pembelajaran dalam talian.

Nur Fauziana Mohd Salleh (2020) dalam kajiannya melihat kepada pandangan guru-guru terhadap pengajaran secara dalam talian. Kajian ini juga menyentuh secara langsung berkaitan kesan penutupan institusi pendidikan dengan penggunaan medium pembelajaran dalam talian untuk menyampaikan PdPc. Pandangan guru-guru yang berperanan sebagai fasilitator terhadap persediaan pengajaran dalam talian juga diambil kira bagi memastikan pendekatan *Home Based Learning* (HBL) dilaksanakan secara efisien. Walau bagaimanapun, guru-guru juga bersedia dengan nota cetakan sekiranya terdapat dalam kalangan pelajar yang mempunyai kekangan untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian (Che Azizan et al., 2020). Selain itu, Siti Balqis Mahlan dan Muniroh Hamat (2020) meninjau berkaitan kaedah pengajaran guru berdasarkan persediaan pelajar untuk mengikuti pembelajaran dalam talian semasa PKP. Begitu juga dengan kajian yang dilaksanakan oleh Zaidatun Tasir, Jamalludin Harun dan Lim (2006) berkaitan kesediaan pelajar dengan faktor-faktor penggunaan komputer merangkumi sikap, kecelikan dan kemudahan komputer oleh mahasiswa. Hasil kajian mendapati bahawa mahasiswa belum bersedia untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian.

PdPc yang dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan yang menarik mampu memotivasi dan merangsang minat para pelajar. Aktiviti bermain dapat membentuk dan memenuhi keperluan perasaan ingin tahu, di samping meningkatkan pengetahuan, pengalaman serta kemahiran (Abdullah, 2004). Seseorang pendidik seharusnya memberikan ruang yang sewajarnya kepada pelajar-pelajar untuk membuat pilihan. Permainan pilihan kanak-kanak yang disokong oleh seorang guru ataupun orang dewasa melalui perbincangan dan sesi soal jawab akan menggalakkan pencapaian kognitif yang lebih tinggi (Vygotsky, 1962). Justeru itu, sikap, minat dan usaha merupakan aspek yang banyak mempengaruhi kejayaan serta penentu dalam kecemerlangan pelajar-pelajar (Mohamad et al., 2006).

Teaching and Learning History 11-18, Understanding The Past menekankan perbincangan input yang seharusnya diperoleh oleh para pendidik sejarah di sekolah dan institut pengajian tinggi. Intipati utama yang diberikan tumpuan ialah aktiviti PdPc perlu diselang-selikan dengan penyelidikan, perbincangan dan amalan praktis (Kitson et al., 2011). Perkembangan sistem pendidikan di Malaysia turut mengubah pendekatan PdPc. Perubahan juga berlaku dalam pelaksanaan kurikulum, pendekatan, strategi dan kaedah penyampaian PdPc. Kaedah Penemuan adalah salah satu proses pembelajaran yang dapat membantu pelajar membina pengalaman dan pengetahuan baharu melalui penerokaan (Seixas, 2004). PdPc yang dilaksanakan secara paksaan tidak akan membantu pelajar-pelajar membina keyakinan diri. Senario tersebut menjadi rumit kerana penekanan pembelajaran yang lebih tertumpu kepada buku sebagai bahan rujukan kedua selepas guru. Situasi tersebut akan menjarakkan lagi pembelajaran dengan dunia realiti.

PdPc berasaskan pemikiran yang logik dan sistematik turut diterapkan melalui teknik *Theory of Constraints* (TOC). Teknik ini mengadaptasi pemikiran kritis dan kreatif yang mudah serta konkrit (E. Stein, 1997). Kajian lepas mengenai KPS juga diperoleh daripada bukti pelaksanaan di luar negara. Penulisan bertajuk *The Student Guide To Historical Thinking* membincangkan mengenai KPS yang mampu membina pemikiran kreatif dan kritis (Elder et al., 1997). Penulisan yang bertajuk *Teaching History For The Common Good* memberikan satu persepsi baharu mengenai pembelajaran disiplin ilmu sejarah. Buku ini merungkai persediaan pedagogi yang perlu dimiliki oleh fasilitator (Barton et al, 2004). *New Directions In Assessing Historical Thinking* pula membincangkan mengenai kemahiran *Historical Thinking Skills* yang seharusnya dimiliki oleh pelajar-pelajar. Penulisan tersebut merupakan hasil kajian dan implementasi para sarjana dalam pengendalian KPS (Ercikan et al, 2015). Buku tersebut turut mengupas rasional mempelajari sejarah dan praktis dalam pengajaran serta pembelajaran sejarah. Penulis tersebut memberikan penekanan utama mengenai KPS dan perkembangan kognitif dalam PdPc sejarah (Bourdillon, 1994).

Pendidikan Sejarah, Pemikiran, Pemahaman dan Empati adalah buku yang memberikan tumpuan kepada perkembangan kurikulum sejarah, pemahaman dan pemikiran sejarah, dan empati sejarah dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini membuka dimensi baharu bahawa sejarah yang bersifat abstrak adalah bercorak dinamik dan futuristik (Abdullah, 2019). *Sejarah Malaysia, Wacana Kedaulatan Bangsa, Kenegaraan dan Kemerdekaan* membincangkan mengenai KPS yang mula diimplementasikan dalam buku teks sejarah tingkatan dua. Pelbagai perkara baharu termasuk kesepaduan unsur pengetahuan sejarah, KPS dan pemupukan nilai serta unsur patriotisme (Ismail et al., 2016).

Kajian bertajuk *Kesan Penggunaan Sumber Sejarah Digital Melalui Portal Terhadap Kemahiran Pemikiran Sejarah* meneroka keberkesanan penggunaan sumber digital sebagai salah satu elemen membina KPS dalam kalangan pelajar (Ramakrishnan, 2015). *Kemahiran Pemikiran Sejarah Melalui Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) Oleh Guru Pelatih* membincangkan bentuk teknologi yang digunakan para guru pelatih dalam mengajar mata pelajaran sejarah (Che Dahalan, 2015). Kompilasi penulisan *Penyelidikan Terpilih UPSI, 2001-2006* turut membincangkan mengenai pelbagai model yang menjadi fokus dalam pengajaran dan pembelajaran (Nordin, 2007), manakala buku bertajuk *Hubungan antara Amalan dan Penguasaan Kemahiran Pemikiran Sejarah* membuat pengujahan bahawa KPS dapat menjana pemikiran kritis melalui penilaian bukti sejarah dengan menghubungkaitkan satu peristiwa sejarah lampau dengan masa kini. Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara amalan dan penguasaan KPS serta konstruksinya (Kavika, 2019). Turut dilihat ialah hubungan signifikan di antara pelaksanaan KPS dalam pengajaran guru-guru sejarah dalam penulisan yang bertajuk *Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Pengajaran Guru-guru Sejarah: Satu Kajian Kes di Daerah Hilir Perak* (Jabar, 2003). Beberapa sorotan literatur yang diteliti sangat bermanfaat dalam memberikan gambaran awal sebelum pengkaji mendalami dan mengimplementasikan KPS dalam PdPc Kenegaraan Malaysia.

5.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan analisis data dari sumber primer dan sekunder seperti buku, artikel, jurnal, brosur, buletin, garis panduan, Dasar dan Pekeliling Kementerian serta soroton kajian lepas. Penelitian berupa wawancara dalam *focus group discussion* dengan mahasiswa.

6.0 PENGIMPLEMENTASIAN KEMAHIRAN PEMIKIRAN SEJARAH

Persepsi negatif mahasiswa dan mahasiswi terhadap mata pelajaran berorientasikan sejarah sering kali menjadi perbincangan. Mata pelajaran tersebut juga dianggap tidak popular walaupun dikategorikan sebagai Kursus Teras Universiti dan hanya diperlukan bagi melengkapkan proses pengijazahan sahaja (Wawancara *Webex* Zulhilmi Paidi, 2021). Keadaan ini turut membimbangkan apabila disusuli dengan teknik PdPc yang tidak kontemporari dan lebih mendominasi proses instruksional tanpa merangsang minat serta kecenderungan pelajar berfikir. Kekangan di pihak fasilitator seperti tahap kepelbagaian keupayaan pelajar dan demografi yang menjejaskan keberkesanan PdPc turut disuarakan oleh para pendidik (Wawancara *Webex* Salmah Omar, 2021). Sukatan kandungan mata pelajaran teras sebanyak sepuluh bab yang perlu ditamatkan dalam tempoh pengajian turut dijadikan alasan tidak minat terhadap kursus tersebut. Hal yang demikian menjadi serius apabila para pensyarah yang bukan bidang kepakaran turut terlibat dalam proses PdPc. Justeru itu, para pensyarah baharu menghadapi sedikit kekangan kerana ketiadaan asas kukuh dalam metode penyampaian kursus Kenegaraan Malaysia.

Oleh yang demikian, satu model pembelajaran yang berfokuskan *Student Centered Learning* (SCL) dan mampu mengubah iklim pembelajaran menjadi kondusif, kreatif serta berinformasi dan menyeronokkan perlu diwujudkan. Hal yang demikian mampu memberikan suntikan motivasi dan rangsangan kepada mahasiswa serta mahasiswi dan membetulkan persepsi negatif terhadap pembelajaran kursus Kenegaraan Malaysia. Harapannya ialah agar KPS yang pertama kali diimplementasikan mampu meningkatkan minat dan motivasi pelajar terhadap Kursus Teras yang diperkenalkan nanti. Sebelum memperkenalkan KPS kepada pelajar, pengkaji menyediakan Borang Arahan Kerja yang lengkap. Antara perincian penting yang dinyatakan dalam borang tersebut ialah mengenai jumlah ahli dalam setiap kumpulan dan tanggungjawab mereka yang dibahagikan seperti pencatat, pelapor serta fasilitator dalam pelaksanaan KPS. Tugasan yang dibahagikan perlu dilaksanakan secara bergilir bagi tujuan memberikan peluang kepada semua. Turut diperincikan ialah tarikh pengendalian setiap sesi dan penyerahan Borang Arahan Kerja.


KPS merangkumi lima proses utama dan perlu dikuasai. Peringkat pertama ialah memahami kronologi iaitu melihat masa lalu, kini dan masa akan datang mengikut urutan sesuatu peristiwa sejarah yang berlaku (Kaviza, 2021). Sebelum memulakan pembelajaran, para fasilitator perlu memberikan maklumat jelas mengenai objektif yang seharusnya dicapai oleh pelajar. Pelajar akan diberikan bimbingan untuk memahami kronologi. Antara elemen penting dalam fasa ini ialah “melihat masa lalu, kini, dan masa hadapan.” Di samping itu, pelajar akan didedahkan dengan konsep masa dan memahami konversi masa.

Kemahiran kedua ialah meneroka bukti yang membantu dalam mendalami pemahaman murid mengenai sejarah. Antaranya ialah kemahiran dalam membuat banding beza sumber primer dan sekunder. Penguasaan kemahiran ini dapat membantu murid untuk menyaring maklumat yang diterima secara lebih sistematik dan disokong dengan bukti kukuh (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2015). Pelajar akan dibimbing untuk mendapatkan maklumat daripada sumber yang diperoleh dengan menyediakan tugas berdasarkan topik yang dipelajari. Pelajar-pelajar akan diminta menentukan signifikan, tarikh, tokoh, lokasi peristiwa dan bagaimana peristiwa tersebut berlaku.

Kemahiran interpretasi membantu menafsirkan hasil pembacaan dan pengumpulan maklumat dari sumber sejarah yang pelbagai. Ini membolehkan pelajar lebih memahami perkaitan antara fakta sejarah dan tafsiran sejarah dengan baik berbanding secara naratif. Tahap kemahiran yang memerlukan pemikiran kognitif yang tinggi ialah kemahiran imaginasi. Kemahiran imaginasi ialah secara visual dan empati. Empati merujuk kepada proses penilaian sejarah menurut kaca mata sumber atau subjek sejarah yang terlibat. Peristiwa atau maklumat sejarah dapat difahami dengan lebih mendalam melalui kemahiran imaginasi. Ini dilakukan secara visual seperti gambar, tayangan video, dokumentari dan juga melalui nilai empati (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2015). Kemahiran ini juga bermakna, masa lalu boleh difahami menerusi pemerhatian dan interpretasi yang sistematik seterusnya membantu kehidupan lebih baik masa hadapan. Justeru itu, pelajar dikehendaki membuat tafsiran sesuatu peristiwa dan membezakan antara tafsiran dengan perspektif. Pelajar berkongsi pengalaman secara imaginasi dan menyatakan pandangan seolah-olah melibatkan diri dalam peristiwa sejarah. Mereka boleh membuat imaginasi secara visual dan empati untuk perkongsian bagi meningkatkan kefahaman. Kemahiran ini sangat penting untuk dikuasai supaya tidak berlaku anakronisme dalam fakta sejarah. Pelajar akan dibimbing untuk membezakan antara fakta sejarah dengan tafsiran sejarah melalui aktiviti-aktiviti berfokuskan SCL seperti *Brainstorming*, *Three Minutes Each Away*, *Snowballing*, *Buzz Groups*, dan *Syndicates*.


Penguasaan empat kemahiran asas ini akan membawa para pelajar untuk mencapai kemahiran rasionalisasi. Rasionalisasi melibatkan penggunaan akal untuk membuat pertimbangan yang wajar dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan. Kemahiran ini adalah peringkat yang paling tinggi dari segi kognitif. Pelajar-pelajar perlu berfikir secara kritikal, kreatif, menganalisis, sintesis dan membuat penilaian maklumat serta peristiwa sejarah untuk menerima atau menolak sesuatu maklumat atau peristiwa itu sebagai sejarah atau tidak secara rasional (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2015). Mereka akan dibimbing untuk mengumpul data, hipotesis, dan menentukan signifikan bukti serta membuat

inferens. Pelajar akan membuat rasionalisasi melalui kajian bahan yang diberikan secara kritis (Jemaah Nazir, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Hasil perbincangan bersama kumpulan akan diterjemahkan dalam bentuk tugasan mengikut lima kemahiran dalam KPS.



Rajah 1. Hasil tugasan pelajar

Salah satu bahagian yang penting dalam membina persepsi dan tahap kesediaan pelajar ialah ketika melaksanakan pembentangan. Pembentangan akan dilaksanakan secara berkumpulan, namun peranan yang diberikan akan silih berganti. Ini bermakna setiap pelajar berkesempatan untuk menyampaikan pembentangan. Hal yang demikian secara tidak langsungnya berupaya membina keyakinan dan kemahiran kepimpinan.



Rajah 2. Hasil tugasan pelajar

Sebagai rumusannya dapat dibuktikan bahawa KPS adalah satu kaedah yang dapat digunakan untuk menganalisis maklumat sejarah secara inkuiri. Stoel et. al (2015) menyatakan bahawa adalah menjadi tugas guru dalam mewujudkan suasana kelas dan pengajaran yang dapat merangsang serta mengekalkan minat dan perhatian murid sepanjang sesi PdPc. Hal yang demikian dapat melibatkan pelajar-pelajar dalam proses pemikiran yang lebih tinggi.

7.0 REFLEKSI

Pandemik Covid-19 yang melanda dunia sejak tahun 2020, kini sudah memasuki fasa endemik. Trend peningkatan jangkitan yang mendadak ketika itu memerlukan pihak kerajaan membuat keputusan yang wajar dengan mengadakan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pengumuman kerajaan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa kedua dengan menutup sebahagian pengoperasian turut memberi kesan kepada pelbagai sektor termasuklah sektor pendidikan (Mesman et al., 2021). Sektor pendidikan tersebut melibatkan permulaan kemasukan pelajar untuk mengikuti sesi persekolahan pada awal tahun 2021 yang lepas. Walau bagaimanapun, perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa kedua dilaksanakan ketika itu disebabkan peningkatan jumlah kes penularan Covid-19.

Pemilihan medium pembelajaran dalam talian dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai platform sama ada *Google Meet*, *Zoom*, *Webex* dan lain-lain bagi memudahkan para guru dan pelajar berinteraksi. Pertemuan secara maya telah dimanfaatkan bersama pelajar untuk mengenali guru mata pelajaran dan bertanya secara langsung kepada mereka. Dengan cara ini, pelajar dapat merasai suasana pembelajaran seperti berada di dalam bilik kuliah biasa apabila pensyarah memberikan respons kepada pelajar ketika sesi pembelajaran berlangsung.

Dalam situasi Norma Baharu kaedah pelaksanaan PdPc boleh bercorak fleksibel dan merentasi demografi bagi memastikan setiap pelajar UUM yang mengikuti Kursus Teras tidak ketinggalan. Justeru itu, fasilitator mempunyai persediaan khusus untuk mengimplementasikan dua pendekatan berbeza mengikut senario semasa sebelum bermulanya sesi PdPc. PdPc boleh diimplementasikan secara bersemuka atau dalam talian sekiranya keadaan persekitaran tidak mengizinkan. Kaedah PdPc melalui pemerhatian, aktiviti-aktiviti SCL, refleksi dan *Focus Group Discussion* (FGD) digunakan bagi mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan. Diversiti pelajar berdasarkan etnik, gender dan demografi diambil kira dengan mengedarkan borang soal selidik kemudahan capaian akses internet sebelum pelaksanaan PdPc.

Kaedah pemerhatian digunakan dalam mengendalikan PdPc secara bersemuka ataupun dalam talian. Tujuannya ialah untuk mendapatkan maklumat pelajar-pelajar secara lebih terperinci, jelas, teliti dan tepat. Borang soal selidik secara dalam talian (Google Form) diberikan sebagai penanda aras untuk mengukur tahap minat dan kecenderungan pelajar dalam mengikuti PdPc. Pemerhatian juga dilaksanakan semasa dan selepas menjalankan setiap aktiviti PdPc dalam talian. Minat dan kesungguhan pelajar dapat diterjemahkan dalam bentuk penglibatan mereka ketika pengendalian aktiviti PdPc yang berfokuskan KPS. Maklumat yang diperolehi melalui kaedah pemerhatian ini sama ada dijangka ataupun tidak, berupaya berfungsi sebagai dapatan dan rujukan penting bagi fasilitator.

Para pelajar diberikan ruang untuk menyatakan idea secara bebas dari setiap individu ataupun kumpulan secara teratur dan sistematik melalui sesi *Brainstorming*. *Buzz Group* akan diimplementasikan dalam kumpulan kecil yang mengandungi seramai tiga hingga enam orang pelajar. *Syndicate* pula boleh digunakan sebagai ruang kepada pelajar untuk berbincang. Di peringkat seterusnya, satu kesimpulan akan dibuat berdasarkan kepada perkongsian idea yang diperolehi. Justeru itu, para pelajar akan mendapat maklumat tepat dan terkini yang dicari oleh mereka berdasarkan KPS. Bagi mendapatkan info dan reaksi segera *Three Minutes Each Way*, *Think Pair Share*, *Team Statements*, *Value Lines* dan *Snowballing* dikendalikan secara bersistem dalam talian. Dalam mengharungi perubahan iklim pendidikan yang bersifat global, pemilihan teknik atau strategi pengajaran memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah melalui aktiviti-aktiviti berpusatkan pelajar (Subramaniam et al., 2019).

Salah satu bahagian penting ialah refleksi yang merujuk proses untuk merenung, menganalisis, mencari alasan, cadangan dan tindakan untuk penambahbaikan secara berterusan. Refleksi dilaksanakan berupaya menyediakan bukti dan pengetahuan teknikal bagi meramal penyelesaian efektif serta proses penambahbaikan secara konsisten dan berterusan dalam KPS. Ketika pengimplementasian KPS, refleksi dikendalikan melalui teknik inkuiri bagi mendapatkan maklum balas daripada pelajar. Tindakan susulan perlu dilakukan sama ada melalui pemulihan atau pengayaan. Refleksi yang dikendalikan secara konsisten dan bebas membolehkan fasilitator menjangka hasil sesuatu tindakan serta membuat perancangan awal. Fasilitator juga boleh meramalkan mengenai segala perubahan dan hasil pembelajaran kerana kepelbagaian latar belakang pelajar serta keupayaan mereka sudah dikenal pasti. Bagi mendapatkan maklum balas mengenai KPS yang digunakan, FGD digunakan untuk berkongsi idea dan impak pengendalian. FGD dikendalikan dalam talian ketika aktiviti PdPc Norma Baharu. Justeru itu, penambahbaikan dalam pedagogi dan bahan PdPc juga boleh dilaksanakan bagi memantapkan lagi pelaksanaan KPS.



Rajah 3. Sesi FGD

Pengkaji memperoleh pelbagai input bermanfaat apabila melaksanakan sesi FGD bersama mahasiswa dan mahasiswi. Sesi FGD dikendalikan dalam bentuk kumpulan kecil yang tidak melebihi 15 orang. Tujuannya ialah untuk mendapatkan maklum balas secara telus dan input tersebut sangat bermanfaat bagi tujuan penambahbaikan pelaksanaan KPS. Keseluruhan mahasiswa dan mahasiswi menyatakan bahawa pensyarah yang bertindak sebagai fasilitator berupaya memberikan penerangan mengenai kandungan kursus Kenegaraan Malaysia dengan menarik dan teliti. Mereka juga menyatakan bahawa kuliah secara dalam talian dikendalikan tepat pada masa dan isi pembelajaran disusun secara kronologi serta berperingkat. Dapatan juga menunjukkan bahawa mahasiswa dan mahasiswi menunjukkan minat dalam mengikuti PdPc. Ini kerana topik yang dibincangkan signifikan dengan perkembangan isu dalam dan luar negara. Hal yang demikian dapat menjadikan kuliah Kenegaraan Malaysia sentiasa segar, menarik dan berupaya melahirkan warganegara yang mempunyai nilai patriotisme serta nasionalisme yang tinggi.

Dapatan mengenal pasti bahawa KPS yang dikendalikan secara bersistem berupaya memberikan peluang generasi muda memahami sejarah tanah air menerusi kaedah yang interaktif. Hal yang demikian dapat dibuktikan melalui penglibatan aktif pelajar ketika pelaksanaan sesi KPS. Melalui perbincangan yang dikendalikan, mahasiswa dan mahasiswi berkeupayaan menggunakan akal fikiran untuk membuat pertimbangan wajar bagi menyelesaikan sesuatu persoalan sejarah. Di samping itu, KPS dapat menzahirkan rasa bersyukur dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi terhadap pergobanan serta sumbangan tokoh-tokoh terdahulu dalam perjuangan kemerdekaan negara. Mereka turut menyatakan bahawa info-info tambahan yang disampaikan oleh pensyarah boleh menambah lagi pengetahuan tentang ilmu sejarah yang semakin dilupakan oleh generasi kini.

Dapatan menunjukkan pelajar berkemampuan melaksanakan tugas KPS dalam talian tanpa terikat faktor demografi. Maklumat tambahan diperoleh menerusi enjin carian atau pangkalan data akademik. Borang Arahan Kerja disampaikan secara dalam talian dan tidak perlu ditulis kembali. Penghantaran tugas KPS juga boleh dilaksanakan secara dalam talian dengan menggunakan platform *UUM Online Learning*. Penggunaan bahan bantu mengajar seperti slaid, infografik dan *Padlet* menjadi salah satu daya penarik KPS. Mahasiswa dan mahasiswi juga memberikan respons bahawa penggunaan kemahiran asas KPS meliputi memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi dapat meningkatkan ingatan serta pengetahuan sejarah.

PdPc secara dalam talian ketika penularan pandemik Covid-19 tempoh hari merupakan satu pengalaman yang baharu dalam pengendalian sesi kuliah kursus Kenegaraan Malaysia di UUM. Walau bagaimanapun, masih kedapatan persepsi mahasiswa dan mahasiswi yang berpandangan negatif dan menyatakan bahawa pengendalian kursus ini tetap membosankan. Dapatan yang diperoleh membuktikan bahawa medium pembelajaran secara dalam talian memberikan limitasi dalam berkomunikasi selama satu semester. Mereka juga melahirkan rasa kurang senang kerana tidak berpeluang berinteraksi secara dua hala bersama pensyarah dan juga rakan-rakan yang lain secara bersemuka. Hal yang demikian berlaku kerana limitasi masa dan juga akses internet. Terdapat juga sebahagiannya yang memberikan respons bahawa pecahan pentaksiran dan kepelbagaian aktiviti merumitkan. Hal yang demikian ditambah dengan jaringan akses internet yang agak terhad berikutan faktor kepelbagaian demografi dan sosioekonomi keluarga pelajar. Dapatan juga turut membuktikan bahawa pembelajaran secara dalam talian akan menyebabkan mahasiswa dan mahasiswi mengambil sikap sambil lewa. Kewujudan masalah gangguan internet juga menyebabkan proses PdPc di pihak mereka sering terganggu. Bilangan pelajar yang agak ramai menyebabkan keterbatasan dalam berkomunikasi. Hal yang demikian berlaku apabila kuliah yang dikendalikan mengandungi seramai 134 orang pelajar. Tempoh masa kuliah selama 90 minit juga turut menyebabkan setiap kumpulan tidak dapat membentangkan hasil tugas dengan baik. Sumbangan setiap ahli kumpulan adalah berbeza dan dinyatakan secara terperinci dalam Borang Arahan Kerja namun terdapat juga sebahagian pelajar yang pasif.

8.0 CABARAN DAN HARAPAN

KPS adalah satu proses berfikir bagi membolehkan pelajar-pelajar meneroka idea yang kompleks dan abstrak. Kaedah ini sangat bersesuaian untuk PdPc sejarah atau mata pelajaran yang banyak menekankan *content knowledge*. Pengimplementasian KPS akan membina pelajar-pelajar yang lebih fokus, berkeyakinan dan aktif di dalam serta luar iklim PdPc dengan pelbagai aktiviti berpusatkan SCL. Kemahiran insaniah pelajar yang mencakupi komunikasi, kepimpinan, bekerjasama dalam kumpulan dan menyelesaikan masalah dapat digembleng secara holistik. Mereka juga berkemampuan membuat rasionalisasi dengan menggunakan akal fikiran dan membuat pertimbangan yang wajar ketika menyelesaikan sesuatu masalah. Elemen kemenjadian pelajar dan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dapat diterap serta diukur ketika pengendalian kerja berkumpulan. Pelajar-pelajar juga berkemampuan membina keupayaan meneroka, menyelidiki, menganalisis dan menginterpretasi sumber.

Cabaran dan sistem pendidikan dunia semakin berubah sejajar dengan ledakan teknologi maklumat. Malaysia sedang bergerak seiring mendepani pelbagai cabaran Revolusi Perindustrian 4.0 yang memfokuskan kepada *Artificial Intelligence* (AI) (Skilton et al., 2018). Pembinaan ekosistem yang lebih adil dan saksama bertunjangkan kesejahteraan dengan persekitaran dunia baharu masih sedang diperbahaskan khususnya selepas dunia berhadapan dengan cabaran pandemik Covid-19. Perubahan tersebut mampu mentransformasikan bukan sahaja cara hidup, masyarakat, nilai dan norma, tetapi juga persepsi mengenai manusia itu sendiri. Hal yang demikian juga boleh ditangani secara rasional melalui pengimplementasian KPS. Elemen jati diri perlu diperkasakan dalam menghadapi survival pasca endemik. Penerapan dan pemerkasaan jiwa merdeka serta semangat patriotisme yang kental boleh dipugar melalui implementasi KPS dalam PdPc. Institusi kekeluargaan seharusnya berperanan sebagai saraf penting untuk membina individu dan warganegara berguna kepada agama serta negara. Semangat patriotik yang dipupuk sejak awal akan menjadikan jiwa mereka kuat dan berkongsi serta bertindak sebagai rakyat Malaysia. Generasi yang lahir tidak akan melihat diri mereka berdasarkan etnik, agama, sempadan geografi dan latar belakang sosial. Justeru itu, patriotisme Malaysia menjadi elemen penting dalam membina idea Negara Bangsa Malaysia (Sidal, 2014).

Dalam mendepani cabaran tersebut, golongan pendidik seharusnya mempunyai kreativiti untuk menarik minat para pelajar menghargai elemen patriotisme dan perkongsian nilai masyarakat Malaysia secara bersama. Pendidikan adalah medium penting dalam agenda pembinaan tamadun dan kewujudan serta kekuatan sebuah negara (Yazid, 2011). Melihat kepada perkembangan semasa, Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menjadi tunjang utama adalah yang paling berjaya dalam memupuk integrasi dan proses pembinaan negara di Malaysia (Ishak, 2014).

Sistem pendidikan di peringkat pengajian tinggi juga perlu berubah seiring dengan keperluan dan pasaran dunia sejajar dengan cabaran Revolusi Perindustrian (Gleason, 2018). Usaha memupuk perkongsian nilai, jati diri dan sejarah adalah komponen penting serta bermakna ke arah pembinaan bangsa yang bertamadun. Pembangunan modal insan meliputi pembinaan minda kelas pertama perlu dibajai serta diselaraskan agar Malaysia dibangunkan mengikut acuan serta piawaiannya sendiri.

Situasi pandemik Covid-19 tidak seharusnya dijadikan alasan dalam usaha pendemokrasian pendidikan. Wabak yang tidak kenal batas agama, bangsa dan ideologi politik mampu dihadapi dengan kesatuan pemikiran dan hati yang kuat, cekat, berdaya tahan serta berdisiplin. Justeru itu, sudah sampai masa dan ketikanya agar kita hidup secara bertoleransi serta harmoni bersama endemik Covid-19 yang tiada pengakhirannya. Pertelagahan dan persengketaan perlu dielak serta kematangan perlu dipertaruhkan oleh setiap warga Malaysia dalam mendasari kehidupan (Berita Harian, 2020).

Sesuai dengan perkembangan semasa pelbagai jenis media sosial dan baharu yang kontemporari perlu digunakan dalam PdPc sebagai rangsangan kepada para pelajar (Miskon, 2020). Fasilitator yang hanya bertindak sebagai pemudahcara perlu mencari ruang interaksi yang bersesuaian bersama mahasiswa dan mahasiswi bagi mewujudkan iklim pembelajaran yang menarik serta kondusif. Corak PdPc perlu diubah dan berfokuskan minat serta kecenderungan pelajar-pelajar juga perlu diberikan perhatian serius (Wahid, 2020). Satu perkara yang penting dan perlu diberikan penekanan ialah walaupun negara sedang ke arah digitalisasi, namun nilai-nilai patriotisme perlu dikukuhkan bagi melahirkan dan mengukuhkan lagi perasaan cinta terhadap tanah air.

9.0 KESIMPULAN

Learning by doing atau pembelajaran bermakna dapat membantu pelajar-pelajar berfikir dan membentuk kefahaman mengenai sesuatu permasalahan. Anjakan paradigma dalam mengimplementasi dan memperkasakan KPS seharusnya dilaksanakan secara konsisten. Penguasaan pedagogi PdPc yang berkesan perlu disegerakan agar fasilitator dapat menerapkan KPS dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi. Hal yang demikian dapat membina rantaian kesinambungan dari pembelajaran sejarah yang diterima sejak di peringkat persekolahan rendah dan menengah. PdPc berorientasikan SCL perlu diterapkan bagi membina persepsi dan aura positif yang mampu mencetuskan kesediaan serta iklim pembelajaran kondusif. Pasca fasa endemik seharusnya dijadikan kunci keramat bagi menggapai hasrat mahasiswa dan mahasiswi menguasai elemen KPS dalam mendepani cabaran Revolusi Perindustrian 4.0.

10.0 PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada penulisan dari Geran *Scholarship of Teaching And Learning Research Grant* (SOTL) (Kod SO. 14752) bertajuk Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) Dalam Menjana Minat dan Pencapaian Pelajar Kursus Kenegaraan Malaysia di Universiti Utara Malaysia. Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Darul Aman.

11.0 KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada kemungkinan konflik kepentingan dilaporkan oleh penulis.

12.0 RUJUKAN

- Abdullah, R. (2004). *Panduan Kurikulum Prasekolah*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah, S.H. (2019). *Pendidikan Sejarah, Pemikiran, Pemahaman dan Empati*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Anuar, A., Rahman. S.T.A., & Abdullah, N. A. (2009). Tahap keupayaan pengajaran guru Sejarah dan hubungannya dengan pencapaian murid di Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 34(1), 53–66
- Atan, L. (1982). *Pedagogi: Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Barton, K.C., & Levstik, L.S. (2004). *Teaching History for the Common Good* (1st ed.). Routledge. New Jersey: Inc. Publishers.
- Berita Harian Online*, 12 April 2020. Capaian 12 April 2020.
- Bourdillon, H. (1994). *Teaching History*. Routledge. CPI Rowe, Eastbourne.
- Bradenburg, A. M. & Carrol, M. S. (1995). Your place or mine? The effect of Place Creation on Environmental Values and Landscape Meanings.” *Society and Natural Resource*, 8:381.
- Che Azizan, S.N, & Mohamad Nasri, N. (2020). Pandangan guru terhadap pembelajaran dalam talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik COVID-19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 46-57. Edisi khas.
- Che Dahalan, S. (2015). *Kemahiran Pemikiran Sejarah Melalui Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) Oleh Guru Pelatih*. Tesis Sarjana Universiti Sains Malaysia.

- Deram, S. T., & Ahmad, A. R. (2017). *Pembangunan Modul 5e dalam meningkatkan kemahiran pemikiran sejarah*. 2nd International Conference in Education and Regional Development 20-21/11/2017. Bandung, Indonesia.
- E. Stein, Robert (1997). *The Theory of Constraints, Application in Quality and Manufacturing*. New York: Dekker, Inc.
- Elder, L., Gorzycki, M. & Paul, R. (2019). *The student guide to historical thinking*. California: The Foundation for Critical Thinking. Rowman & Littlefield.
- Ercikan, K. & Seixas, P. (2015). *New Directions in Assessing Historical Thinking*. Routledge. New York
- Ford, A. (2015). *What is a History education? Marc Bloch, The Historian's Craft, and the case for an Annaliste Model of School History*. Disertasi Sarjana Sastera. Universiti Leeds Trinity.
- Gleason, N.W. (2018). *Higher education in the era of the fourth industrial revolution*. Singapore: The Palgrave Macmillan.
- Ishak, M.M. (2014). *Politik Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Legasi Press Sdn Bhd
- Ismail, A.R.H. & Arifin, A. (2016). *Sejarah Malaysia, Wacana Kedaulatan Bangsa, Kenegaraan dan Kemerdekaan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ismail, I. (2020). *Pembelajaran Abad Ke 21*. Pasir Gudang: Irni binti Ismail.
- Jabar, B. (2003). *Pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah dalam pengajaran guru-guru Sejarah: Satu kajian kes di Daerah Hilir Perak*. Geran Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kaviza, M. (2021). Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pendidikan Sejarah: satu sorotan kajian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(11), 490–500.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSM Tingkatan Satu*. Bahagian Perkembangan Kurikulum. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2018). *Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah*. Capaian anyflip.com/whpp/xgsi/basic.
- Kitson, A.L., Husbands, C.T., & Steward, S. (2011). *Teaching & Learning History 11-18, Understanding the Past*. England: Open University Press.
- M. Kaviza. (2019). Hubungan antara amalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 44(1), 29-36.
- Mantihal, S., & Maat, S. M. (2020). Pengaruh pembelajaran abad ke-21 (Pak21) terhadap minat murid dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik: Satu tizauan sistematik. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 2(1), 82-91.
- Mesman, N.S. & Majid, Z.A. (2021). Kajian kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran dalam talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) membendung Covid-19 Fasa 2. *International Journal of Education and Pedagogy (IJEAP)*, 3(1), 195-202.
- Miskon, A.S. (2020). *Penggunaan media sosial dalam kalangan siswa guru di Institut Pendidikan Guru*. Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan (seminar atas talian). 20 Oktober 2020.
- Mohamad, A.H. & Wan Sulong, W.M. (2006). *Antara minat dan sikap pelajar terhadap Bahasa Arab: Satu kajian ke atas pelajar Sarjana Bahasa Arab di IPTA Malaysia*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke-5. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nordin, A.B. (2007). *Penyelidikan Terpilih UPSI, 2001-2006*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Panduan pengurusan mata pelajaran Sejarah sekolah rendah sekolah menengah*. (2019). Jemaah Nazir Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya.
- Ramakrishnan, R. (2015). *Kesan Penggunaan Sumber Sejarah Digital Melalui Portal Terhadap Kemahiran Pemikiran Sejarah*. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Seixas, P., & Peck, C. (2004). *Teaching historical thinking*. In A. Sears & I. Wright (Eds.), *Challenges and Prospects for Canadian Social Studies*. 109-117. Vancouver: Pacific Educational Press.
- Sidal, A. (2014). *Semerah darah seputih tulang*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Skilton, M. & Housepian, F. (2018). *The 4th Industrial Revolution*. U.K.: Springer International Publishing.
- Subramaniam, V., Yaakob, M.F.M. & Awang, H. (2019). Kesan Think Pair Share terhadap pencapaian dan sikap murid dalam mata pelajaran Matematik. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*. 2(1), 1-17.
- Vygotsky, L.S. (1962). *Thought and language*. Cambridge, M.A: Mit Press.
- Wahid, R. (2020). Keberkesanan pembelajaran berasaskan permainan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi. *Journal of Education and Social Sciences*. 16(1), 9-13.

- Wawancara melalui aplikasi *Webex* dengan Dr. Salmah Omar, Penyelaras Kursus Kenegaraan Malaysia, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, pada 2 September 2021.
- Wawancara melalui aplikasi *Webex* dengan Dr. Zulhilmi Paidi, Ketua Unit Sejarah dan Kenegaraan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, pada 2 September 2021.
- Yazid, M.N. (2011). *Pendidikan pembinaan bangsa ke mana arah tuju?* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.